

| | | | |
|-------------|--|--------------|---------------------------|
| Headline | RM500j insentif ringan beban sektor pertanian | Language | MALAY |
| Date | 09. Jun 2008 | Page No | 4 |
| Media Title | Berita Harian | Article Size | 330 cm² |
| Section | Nasional | Frequency | Daily |
| Circulation | 217920 | Color | Full Color |
| Readership | 2083000 | | |



RM500j insentif ringan beban sektor pertanian

JELI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta bagi membantu meringankan beban mereka yang terbabit dalam sektor pertanian.

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata bantuan insentif pertanian itu dijangka diagihkan menjelang akhir bulan ini sebagai bukti kerajaan prihatin terhadap masalah dihadapi mereka di sektor berkenaan.

Katanya, kerajaan sedar bahawa mereka yang terbabit dalam sektor pertanian kini berhadapan dengan kenaikan kos input pertanian yang tinggi sehingga memberi kesan besar kepada golongan berkenaan.

"Kerajaan memahami masalah yang dihadapi oleh petani, penternak

serta nelayan dan membuat keputusan untuk memberi bantuan insentif pertanian bagi meringankan beban mereka.

"Peruntukan sebanyak RM500 juta disediakan untuk insentif itu dan kerajaan akan menampung antara 20 dan 30 peratus dari kos pengeluaran bahan input pertanian yang ditanggung golongan berkenaan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Pusat Urusan Sehenti Perkhidmatan dan Informasi Agro Tani (Puspa Tani) dan Hari Terbuka Bersama Pakar Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Puspa Tani ini adalah yang pertama ditubuhkan di negara ini, bertindak sebagai pusat penyuluhan maklumat untuk petani di kawasan

setempat selain menjadi sumber rujukan golongan berkenaan dengan agensi kerajaan berkaitan pertanian.

Mustapa berkata, kementerian ini sedang menunggu peruntukan berkenaan dari kerajaan dan dijangka akan memulakan kerja pengagihan bantuan itu sebaik saja menerima akhir bulan ini.

Katanya, kini pendaftaran mereka yang memerlukan bantuan itu sedang dilakukan dan sebaik peruntukan diterima, agihan akan dibuat terus kepada golongan berkenaan melalui akaun bank masing-masing.

"Kerajaan sedar bahawa sektor berkenaan kini terpaksa menanggung beban yang besar akibat kenaikan bahan input dan berharap dengan langkah ini, mampu meri-

ngangkan beban mereka," katanya.

Beliau berkata, dalam usaha meningkatkan taraf petani di negara ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dijangka akan mengumumkan satu insentif menarik untuk golongan berkenaan Jumaat ini.

Katanya, Abdullah dijangka akan melancarkan program insentif untuk tambah pengeluaran padi, di sebuah kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), di Pasir Mas.

"Program peringkat kebangsaan itu juga akan disertai pelbagai agensi pertanian dari negeri lain dengan bantuan yang dijangka akan diumumkan antaranya seperti baja, rakan serangga dan penyelenggaraan sistem pengairan," katanya.

“Kerajaan memahami masalah yang dihadapi oleh petani, penternak serta nelayan dan membuat keputusan memberi bantuan insentif pertanian bagi meringankan beban mereka”

Mustapa Mohamed
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani